

400-1/4/1 Jld.2 (21)



## YAYASAN TERENGGANU

### PEKELILING PERBENDAHARAAN DALAMAN YT BIL 2 TAHUN 2024

---

#### PERATURAN DAN PENETAPAN KADAR PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN UNTUK KERAIAN RASMI DAN PENGANJURAN KURSUS DI DALAM KAWASAN IBU PEJABAT

##### 1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan Dalaman YT (PPD) ini adalah bertujuan bagi menyelaras dan mempermudahkan peraturan dalaman Yayasan Terengganu (YT) berkaitan penetapan kadar penyediaan makanan dan minuman bagi Keraian Rasmi dan kursus oleh Jabatan/Bahagian/Unit di dalam kawasan Ibu Pejabat.
- 1.2 PPD ini juga bertujuan memberi panduan kepada semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dalam memastikan tatacara kewangan dan perbelanjaan bagi penyediaan makanan dan minuman dapat dilaksanakan secara teratur dan optimum.

##### 2. TAFSIRAN

- 2.1 Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam PPD ini, tafsiran berikut hendaklah dipatuhi:
  - 2.1.1 “Keraian Rasmi” bermakna jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti/program rasmi Jabatan yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri;
  - 2.1.2 “Jemputan luar” bermakna wakil Jabatan luar YT serta wakil agensi luar yang dijemput untuk menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Kerajaan;
  - 2.1.3 “Jamuan Ringan” bermakna minum pagi atau minum petang;
  - 2.1.4 “Mesyuarat” bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya diadakan berkaitan urusan rasmi Kerajaan;

- 2.1.5 “Pengurusan Tertinggi” terdiri daripada YAB Menteri Besar, Exco Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
- 2.1.6 “Ibu Pejabat” merujuk kepada Ibu Pejabat Yayasan Terengganu;
- 2.1.7 “Kursus” bermakna sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan berinformasi, seminar, bengkel, yang bercorak latihan.

### **3. KERAIAN RASMI JABATAN**

- 3.1 Keraian rasmi boleh diadakan hanya bagi penganjuran aktiviti/program berikut:
  - 3.1.1 Persidangan di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan, dan Jabatan;
  - 3.1.2 Majlis Penuh Istiadat/sambutan keraian yang wajib diraikan di peringkat Kebangsaan dan Jabatan seperti majlis penganugerahan/pengiktirafan yang termaktub di dalam Pekeliling-pekeliling Kerajaan dan sambutan program rasmi peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa berkaitan fungsi Jabatan;
  - 3.1.3 Lawatan rasmi orang kenamaan atau rombongan dari luar atau dalam negara yang wajib diraikan berkaitan urusan rasmi Jabatan;
  - 3.1.4 Majlis perasmian/penutupan sesuatu program rasmi Jabatan; atau
  - 3.1.5 Majlis-majlis rasmi/keraian negeri yang melibatkan YAB Menteri Besar/YB Setiausaha Kerajaan Negeri.
- 3.2 Selain itu, Keraian Rasmi juga boleh diadakan semasa mesyuarat seperti berikut:
  - 3.2.1 Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar/Exco Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan urusan rasmi Kerajaan;
  - 3.2.2 Mesyuarat pengurusan tertinggi yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kewangan Negeri;
  - 3.2.3 Mesyuarat yang melibatkan wakil Negara asing; atau
  - 3.2.4 Mesyuarat yang melibatkan jemputan luar dan dipengerusikan oleh Pengurusan Tertinggi/Ketua Jabatan.

- 3.3 Majlis perhimpunan dan sesi perjumpaan Ketua Jabatan bersama pegawai dan kakitangan Jabatan **tidak termasuk** di bawah tafsiran Keraian Rasmi.
- 3.4 Bagi maksud pelaksanaan Keraian Rasmi di YT, peraturan berikut hendaklah dipatuhi:
- 3.4.1 Kadar perbelanjaan makanan dan minuman maksimum bagi aktiviti/program seperti di perenggan 3.1 dan 3.2 adalah ditetapkan pada **kadar RM75.00 dan RM60.00 seorang untuk sehari**. Bayaran perkhidmatan, cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan jamuan berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan.
- 3.4.2 Majlis/acara rasmi yang dianjurkan hendaklah **melebihi tempoh empat (4) jam**; dan
- 3.4.3 Perolehan/perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman bagi semua majlis/program/mesyuarat anjuran Negeri/Jabatan yang melibatkan Pengurusan Tertinggi **hendaklah tidak melebihi** kadar seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1 : Kadar Keraian Rasmi Bagi Majlis Rasmi Yang Melibatkan Pengurusan Tertinggi**

Bil.	Perkara	Tetamu VIP (Tidak Melebihi) RM	Tetamu biasa (Tidak Melebihi) RM
i.	Minum pagi/ Minum petang	15.00	10.00
ii.	Makan Tengahari	30.00	25.00
iii.	Makan Malam	30.00	25.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>75.00</b>	<b>60.00</b>

**Jadual 2 : Kadar Keraian Rasmi Bagi Mesyuarat Yang Melibatkan Pengurusan Tertinggi**

Bil.	Perkara	Kadar Seorang (Tidak Melebihi) RM
i.	Minum pagi/ Minum petang	10.00
ii.	Makan Tengahari/Makan Malam	25.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>35.00</b>

- 3.4.4 Mesyuarat yang kurang daripada enam (6) jam hanya boleh disediakan jamuan ringan.
- 3.5 Kadar jamuan bagi majlis rasmi yang telah ditetapkan kadarnya secara berasingan seperti **sambutan Hari inovasi** dan Majlis Persaraan Pegawai Perkhidmatan Awam tidak tertakluk kepada kadar Keraian Rasmi seperti di Perenggan 3.4.
- 3.6 Bagi memastikan perancangan dan pengurusan perbelanjaan untuk Keraian Rasmi YT dapat dioptimumkan selaras dengan *Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1/2024*, semua Ketua Bahagian/Unit perlu mematuhi perkara – perkara berikut:
- 3.6.1 Bahagian/Unit hendaklah **menurangkan penyediaan jamuan keraian (makanan dan minuman)** semasa penganjuran majlis/acara rasmi; dan
- 3.6.2 Urusetia/penganjur hendaklah memastikan tempahan jamuan (makanan dan minuman) dibuat **berdasarkan bilangan sebenar jemputan yang hadir** bagi mengelakkan pembaziran. Pindaan ke atas Pesanan Tempatan melalui Nota Kredit/Debit hendaklah dibuat sekiranya pengesahan kehadiran mendapati bilangan sebenar adalah lebih rendah daripada tempahan awal.
- 3.7 Sekiranya terdapat keperluan untuk Bahagian/Unit untuk menyediakan sebarang jamuan atau makan dan minum selain daripada yang digariskan dalam PPD ini, Bahagian/Unit hendaklah mendapatkan kelulusan khas daripada Ketua Jabatan dan menggunakan pakai peruntukan sedia ada Bahagian/Unit.

**4. PENETAPAN KADAR HARGA MAKANAN DAN MINUMAN BAGI JAMUAN, MESYUARAT DAN KURSUS DI DALAM KAWASAN IBU PEJABAT ANJURAN JABATAN/BAHAGIAN/UNIT**

- 4.1 Penetapan kadar harga makanan dan minuman untuk jamuan, mesyuarat dan kursus yang dianjurkan oleh Jabatan/Bahagian/Unit adalah selaras dengan *Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 2/2023* iaitu:

**Jadual 3 : Kadar Harga Makanan dan Minuman untuk jamuan – jamuan yang dianjurkan oleh Jabatan/Bahagian/Unit**

Bil.	Jenis Jamuan	Kadar Seorang RM
i.	Minum Pagi/Petang	7.00
ii.	Makan Tengahari	12.00
	<b>JUMLAH (Kadar sehari)</b>	<b>19.00</b>

- 4.2 Kadar-kadar tersebut adalah termasuk ‘Sale and Service Tax’ (SST).
- 4.3 Pemakaian kadar harga makanan dan minuman berjumlah **RM19.00 sehari** tersebut hanya terpakai sekiranya peraturan seperti berikut dipatuhi:
- 4.3.1 Kursus diadakan **di dalam kawasan Ibu Pejabat**;
- 4.3.2 Tempoh kursus adalah **melebihi empat (4) jam**; dan
- 4.3.3 Bilangan minimum peserta kursus adalah seramai **20 orang**.

**5. TARIKH KUATKUASA**

- 5.1 PPD ini berkuatkuasa mulai tarikh PPD ini dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa iaitu Arahan Perpendaharaan, Pekeliling Perpendaharaan, Pekeliling Perpendaharaan Dalaman YT serta peraturan-peraturan kewangan dan perkhidmatan lain yang berkaitan.

- 5.2 Semua Ketua Bahagian/Unit juga diminta merujuk kepada Pekeliling-pekeliling serta surat-surat yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu dari masa ke semasa berkaitan Dasar Perbelanjaan Secara Berhemah sebagai langkah mengoptimumkan perbelanjaan Jabatan.

Sekian, terima kasih.

**"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI MOHD AZMI BIN MOHAMAD DAHAM)**

Pengarah